

*Artikel*

**Persepsi Masyarakat Melanau Terhadap Impak Pembangunan Pelancongan Budaya di Mukah, Sarawak**

(*The Melanau Community Perception Towards the Impact of Cultural Tourism Development in Mukah, Sarawak*)

Farra Ain Kee Mohd Saharrin, Fatin Umaira Muhamad Azian\* & Sarina Yusof

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekutaran (SEEDS), Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [fatin.umaira@ukm.edu.my](mailto:fatin.umaira@ukm.edu.my)

Diserah: 1 Disember 2024

Diterima: 15 Februari 2025

**Abstrak:** Melanau mempunyai budaya dan adat resam yang unik. Namun, masih ramai yang tidak mengetahui mengenai budaya Melanau. Untuk membangunkan kawasan Melanau sebagai sebuah tapak pelancongan budaya, sudah semestinya terdapat pelbagai kesan yang harus masyarakat setempat hadapi samada impak positif mahupun impak negatif. Justeru, kajian ini tertumpu di kawasan Melanau iaitu di bahagian Mukah yang merangkumi Balingian, Dalat, Oya, Igan, Matu Daro dan Belawai. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti impak pembangunan pelancongan budaya terhadap aspek sosial, ekonomi dan persekitaran masyarakat Melanau di Sarawak dan mengkaji persepsi masyarakat Melanau terhadap pembangunan pelancongan budaya di kawasan mereka. Kajian ini merupakan penyelidikan yang berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah survei. Bagi mendapatkan maklumat, kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik. Kaedah persampelan keselesaan iaitu kaedah mengikut kesanggupan responden untuk menjawab digunakan. Seramai 101 orang responden yang telah terlibat dalam kajian ini. Data yang diperolehi akan dianalisis secara kekerapan, peratusan dan purata skor min. Hasil kajian menunjukkan bahawa kawasan-kawasan Melanau di bahagian Mukah yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan budaya ialah Mukah, Matu Daro, Igan, Oya dan Dalat. Selain itu, majoriti responden bersetuju bahawa pembangunan pelancongan budaya mendatangkan impak positif kepada penduduk setempat dari segi sosial, alam sekitar dan ekonomi dan kebanyakan responden bersetuju agar kawasan mereka dibangunkan menjadi tapak pelancongan budaya dan sanggup bekerjasama untuk membangunkan tapak tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa impak pembangunan pelancongan budaya mempengaruhi persepsi masyarakat Melanau terhadap penerimaan mereka tentang pembangunan pelancongan budaya.

**Kata kunci:** Impak; pembangunan pelancongan budaya; masyarakat Melanau; Sarawak, Malaysia

**Abstract:** Melanau has a unique culture and customs. However, many still do not know about Melanau culture. In order to develop the Melanau area as a cultural tourism site, there are many impacts that the local community has to face whether it is a positive impact or a negative impact. Hence, this study is concentrated in the Melanau area which is in Mukah which includes Balingian, Dalat, Oya, Igan, Matu Daro and Belawai. The objective of this study is to identify the impacts of cultural tourism development on the economic, social and environmental aspects of the Melanau community in Sarawak and to study the perception of the Melanau community towards the cultural tourism development in their area. This study is quantitative research using the survey method. The study uses questionnaire instruments to gain informations. The convenience sampling

method which is the method according to the respondent's willingness to answer is used. A total of 101 respondents were involved in this study. The data obtained will be analyzed by frequency, percentage and average mean score. The results showed that the Melanau areas in Mukah that have the potential to be developed as cultural tourism areas are Mukah, Matu Daro, Igan, Oya and Dalat. In addition, the majority of respondents agreed that the development of cultural tourism has a positive impact on the locals socially, environmentally and economically and most of the respondents agreed that their area be developed into a cultural tourism site and willing to work together to develop the site. These findings show that the impact of cultural tourism development affects the Melanau community's perception of their acceptance of the development of cultural tourism.

**Keywords:** Impact; cultural tourism development; Melanau community; Sarawak, Malaysia

## Pengenalan

Pelancongan merupakan antara nadi penggerak ekonomi kepada beberapa buah negara. Menurut World Tourism (2005), sektor pelancongan merupakan aktiviti masa lapang yang paling popular di dunia di mana terdapat 763 juta orang pelancong di seluruh dunia pada tahun 2024. Malaysia merupakan salah satu negara yang paling ramai dikunjungi oleh pelancong antarabangsa ekoran daripada faktor keindahan dan keaslian alam semulajadi, kekayaan biodiversiti dan keadaan suhu yang optimum yang tidak terdapat di negara mereka. Ketibaan pelancong ke Malaysia meningkat sebanyak 17 juta dalam tempoh 10 tahun dimana dapat dilihat peningkatan tersebut dari tahun 1999 sebanyak 5 juta kepada 22 juta orang pada tahun 2009. Situasi ini menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan pelancong yang ke 11 di dunia (Berita Harian, 2009). Oleh itu, industri pelancongan di Malaysia menjadi antara sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi negara.

Terdapat pelbagai jenis pelancongan yang terdapat di Malaysia iaitu pelancongan warisan dan budaya, ekopelancongan, agropelancongan, pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan dan pelancongan inap desa. Pelancongan budaya dan warisan merupakan salah jenis pelancongan yang bertujuan untuk menarik minat pelancong melawat dan mengetahui warisan dan budaya dan tempatan melalui pengalaman dan pemerhatian (Habibah Ahmad, 2011). Malaysia terdiri mempunyai tiga belas negeri dan tiga wilayah persekutuan yang mempunyai keunikan tersendiri dan juga terserlah dengan kepelbagaian budaya, dialek bahasa, makanan dan gaya hidup (Tourism Malaysia, 2020).

Sehubungan dengan itu, pelancongan budaya merupakan antara jenis pelancongan yang semakin berkembang di Sarawak. Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian hasil bumi, kehijauan dan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai suku dan etnik. Antara etnik yang terdapat di Sarawak adalah Melayu, Cina, Iban, Melanau, Bidayuh, Kayan, dan Kenyah. Setiap suku mempunyai warisan budaya yang unik dan tersendiri. Antara kepelbagaian etnik di Sarawak, Melanau merupakan suku kaum kelima terbesar di Sarawak (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010). Etnik Melanau dilihat mempunyai banyak keistimewaan khususnya dari segi budaya yang harus ditonjolkan. Kumpulan etnik ini dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan kepercayaan mereka iaitu Pagan, Islam dan Kristian.

Namun, jika dilihat secara menyeluruh, Melanau juga dibezakan dari segi bahasa, petempatan, adat dan budaya (Pan Hai Lung, 1994). Memetik kata YAB Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg suatu ketika dahulu semasa menjadi Menteri Pelancongan Sarawak (2022), mengatakan sememangnya bentuk tarikan pelancongan yang kerajaan ingin wujudkan di Mukah adalah berbentuk budaya Melanau sehingga ke peringkat antarabangsa kerana melihat kepada kebudayaannya yang begitu unik dan tidak terdapat di tempat lain. Bahagian Mukah merupakan kawasan masyarakat Melanau yang mempunyai sejarah serta tinggalan yang unik.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tellian pada 2021, Yuussibnosh Balo berkata Mukah mempunyai banyak tinggalan-tinggalan sejarah yang unik seperti Jerunei, kubur tergantung dan permainan tradisional yang dapat menarik perhatian pelancong luar. Keunikan budaya kaum Melanau itu sendiri adalah dari segi adat, pakaian, mainan, makanan dan tarian mampu menarik perhatian pemaju-pemaju dan pihak bertanggungjawab untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan.

Saban hari, Mukah, Sarawak semakin terkenal dengan pelancongan budaya kerana budaya masyarakat Melanau yang unik. Terdapat banyak produk budaya untuk masyarakat Melanau khususnya dari segi pakaian tradisional, makanan tradisional, tarian tradisional, permainan tradisional, pesta keramaian, adat dan kepercayaan. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa ada produk yang diberi perhatian dan ada juga yang menunggu masa untuk mengalami kepupusan. Malah, lebih menyedihkan lagi masih ramai penduduk Malaysia yang tidak mengetahui tentang kewujudan etnik Melanau ini walaupun budaya ini sedikit sebanyak ada diperkenalkan melalui pembinaan muzium di kawasan setempat. Oleh itu, budaya Melanau seharusnya dipromosikan dengan lebih giat sehingga ke peringkat antarabangsa melalui membangunkan kawasan Melanau sebagai sebuah kawasan pelancongan budaya.

Namun demikian, sudah semestinya setiap pembangunan yang dijalankan akan menyebabkan perubahan dan memberi impak kepada masyarakat setempat dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar. Menurut Lidiya (2021), pembangunan pelancongan warisan banyak mengubah keadaan sosial dan ekonomi komuniti di kawasan Kampung Teluk Gedung, Pulau Pangkor, Perak. Perkara ini sudah pasti akan dialami oleh masyarakat Melanau juga jika mereka menginginkan perubahan. Selain itu, isu yang sering dipertikaikan adalah perancangan pelancongan yang dirancang lazimnya untuk memuaskan pelancong yang akan datang bukan untuk penduduk tempatan (Nurul Azhani, 2008). Malah, kebanyakan pelancongan yang dirancang tidak menepati keperluan dan kesediaan sumber manusia tempatan untuk membangunkan kawasan mereka. Kesannya, pelancongan yang dibangunkan secara tidak langsung telah meminggirkan penduduk tempatan.

Menurut Lo, Ramayah & Hui Hui (2014), penglibatan dan penyertaan komuniti dalam menjayakan pembangunan pelancongan adalah signifikan kerana mereka yang sepatutnya menjayakannya. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan sekitar awal tahun 1990an berkaitan persepsi komuniti terhadap pembangunan pelancongan. Namun demikian, menurut Mohamad dan Hamzah (2013), persepsi sesuatu komuniti sukar ditafsir kerana bergantung kepada pengalaman lalu dan ia bersifat subjektif. Malah, perbezaan latar belakang kaum yang berbeza juga mempunyai persepsi yang berbeza terhadap impak pembangunan pelancongan di Malaysia (Shariff & Abidin, 2013). Menurut Zaini Ozea (1998), masyarakat Melanau bersifat *fluid* iaitu mudah terserap ke dalam masyarakat dan antara faktor yang menyebabkan sifat tersebut adalah seperti faktor pendidikan, kemudahan komunikasi dan pengangkutan sebagai kesan kemodenan.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis persepsi sebuah masyarakat tempatan di Sarawak iaitu masyarakat Melanau terhadap impak pembangunan pelancongan budaya di kawasan mereka. Fokus kajian ini adalah terhadap masyarakat Melanau di kawasan bahagian Mukah, Sarawak.

## Sorotan Literatur

### 1. Masyarakat Melanau

Melanau merupakan penduduk pedalaman terawal dan penduduk asal asli di Sarawak. Bangsa suku kaum Melanau terletak di kawasan persisiran pantai seperti kawasan lembah utara Sungai Rajang, Igan, Matu-Daro, Pulau Brui, Tatau, Oya, Dalat dan Mukah. Kehidupan masyarakat Melanau sangat berkait rapat dengan sungai dan laut (Jeniri Amir, 2015). Dalam seminar Budaya Melanau yang diadakan pada 1988, Melanau didefinisikan sebagai satu kumpulan kaum yang bercakap dalam pelbagai dialek Melanau, berkongsi satu budaya dan adat resam. Melanau merupakan satu-satunya kaum di Sarawak yang menerima kepelbagaiannya agama dalam ahli keluarga. Situasi ini tidak dianggap pelik sekiranya ahli dalam sesebuah keluarga adalah penganut agama Islam, Kristian dan malah juga ada yang Pagan (tiada agama). Namun begitu, keadaan ini tidak menggugat mereka untuk hidup dalam keadaan yang aman (Saiee Driss, 1996).

Dalam kehidupan masyarakat tradisional, corak amalan sehari-hari banyak dipengaruhi oleh sistem kepercayaan yang dipercayai dan diwarisi sejak zaman berzaman. Pada asasnya, kepercayaan kaum Melanau bercorak animisme iaitu kepercayaan kepada kuasa ghaib berkaitan dengan soal-soal penting dalam kehidupan (Yasir Abd Rahman, 1987). Antara kepercayaan mereka adalah dari segi kepercayaan terhadap alam, pesta keramaian dan perubatan. Menurut Saiee Driss (1996), masyarakat Melanau mempunyai sifat toleransi dan konsep identiti yang luas sehingga sukar untuk mentakrifkan siapa Melanau kerana mereka mudah untuk menyesuaikan diri.

Dalam penulisan Morris (1953) dalam buku “The Oya Melanau” yang diterbitkan pada 1992, beliau membincarakan mengenai aspek-aspek sejarah, sosial, ekonomi dan pandangan dunia terhadap orang Melanau. Selain itu, Malcolm Macdonald (1985) pula mengkaji berkenaan kegiatan ekonomi orang Melanau iaitu dalam pembuatan sagu dan penangkapan ikan. Kajian tersebut dipersetujui oleh Lee Yong Leng (1970) yang juga berkongsi bahawa kegiatan ekonomi orang Melanau tradisional adalah banyak bergantung kepada penanaman rumbia dan penangkapan ikan dan penanaman rumbia. Melalui penulisan artikel oleh Nasrudin Mohammed (1996) yang bertajuk “Wajah dan Identiti Melanau” mengatakan bahawa bentuk muka bumi penempatan utama mereka yang berpaya dan berhutan tebal menyebabkan mereka bergantung hidup kepada sumber hutan tebal. Oleh itu, ini merupakan faktor utama mereka menjalankan kegiatan ekonomi menanam dan memproses pokok Rumbia untuk menghasilkan Sagu yang merupakan makanan ruji mereka. Kegiatan ekonomi yang menarik ini telah dihuraikan oleh Morris (1971) mengenai cara pemprosesan sagu di dalam buku terbitannya.

## 2. Pelancongan Budaya

Secara keseluruhannya, pembangunan merupakan satu proses yang boleh memberi manfaat kepada rakyat kerana ia bukan sahaja mengambil kira aspek fizikal seperti infrastruktur tetapi juga menyelaras dan mengatur sistem ekonomi, dengan mengambil kira perubahan dalam adat resam, institusi sosial dan kepercayaan masyarakat setempat (Farah Husna et al., 2021). Dalam konteks pelancongan, sumbangan pelancongan kepada masyarakat tempatan dipertimbangkan melalui impak sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Menurut Velene (1989), konsep pelancongan budaya terbahagi kepada dua perspektif iaitu perspektif pertama dan perspektif kedua. Perspektif pertama melibatkan pelancong yang cenderung datang ke sesuatu tempat kerana unsur budaya yang ada di situ untuk mempunyai pengalaman budaya dalam masyarakat setempat. Aspek kedua pelancongan budaya ialah pengumpulan produk yang ditawarkan di sesuatu lokasi. Menurut Mat Jusoh et al. (2011), pelancongan budaya ialah perjalanan seseorang untuk tujuan mempelajari budaya seperti melawat tapak bersejarah dan festival untuk meneroka budaya dan kesenian sesebuah negara. Pelancongan budaya ditakrifkan sebagai pergerakan dan mereka yang tertarik untuk pergi ke sesuatu tempat yang jauh daripada tempat kediaman mereka dengan niat untuk menimba pengalaman baru berkenaan budaya dan mengumpul maklumat (Richards, 1996).

Seterusnya, menurut Kadir Haji Din (1997), produk budaya dalam pelancongan di Malaysia diklasifikasikan kepada dua bentuk iaitu Budaya dipentaskan dan Budaya di belakang tabir. Selain itu, menurut Omar Din (2008), budaya dalam pelancongan di Malaysia sebenarnya dapat terbahagi kepada tiga aspek iaitu Budaya dipentaskan, Budaya di belakang tabir dan warisan peninggalan lama. Definisi bagi setiap aspek budaya adalah seperti budaya dipentaskan iaitu budaya yang diadakan khusus untuk ditawarkan kepada pelancong seperti kraftangan, taman budaya, pesta budaya dan pementasan persembahan. Selain itu, budaya di belakang tabir iaitu kehidupan rutin masyarakat tenpatan yang menjadi daya tarikan kepada pelancong seperti makanan, perayaan agama, pesta suku kaum dan kehidupan di desa.

Seterusnya warisan purba, iaitu budaya yang telah wujud sejak zaman dahulu seperti senjata warisan, peninggalan, seni bina, tarian dan permainan rakyat. Pelancongan budaya sering membawa faedah ekonomi melalui muzium dan tapak warisan lain (Silberberg, 1995). Manakala Zeppel dan Hall (1992) menjelaskan bahawa pelancongan budaya ialah idea yang timbul daripada emosi yang berbeza, daripada romantik nostalgia dan rasa keterikatan dengan masa lalu.

## 3. Impak Pembangunan Pelancongan

Terdapat tiga (3) impak yang difokuskan dalam kajian ini iaitu impak ekonomi, sosial dan persekitaran.

### *Ekonomi*

Menurut Harrill (2004), pembangunan pelancongan harus memberi sumbangan kepada aktiviti ekonomi komuniti penduduk tempatan seperti pengagihan faedah ekonomi dan peluang pekerjaan agar masyarakat tempatan dapat menjalankan kehidupan yang lebih berkualiti. Selain itu, menurutnya juga, penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti pelancongan seperti perniagaan dapat membantu untuk membasihi kemiskinan dalam kalangan mereka. Tambahan pula, menurut James dan Rozasman (2022), penduduk setempat boleh mendapat peluang pekerjaan dengan mengusahakan perusahaan penginapan, perusahaan

pengangkutan dan menjual hasil produk tempatan. Hasil kajian lepas turut menyatakan bahawa pembangunan pelancongan mampu meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan masyarakat setempat (Andriotis, 2005).

Tambahan pula, pelancongan memberi kesan kepada situasi sosio-ekonomi masyarakat tempatan dengan meningkatkan peluang pekerjaan dan menambah baik infrastruktur di kawasan terjejas (Mayan & Nurul, 2017). Pelancongan budaya merupakan satu elemen dalam pembangunan ekonomi yang diterima bagi menggalakkan ekonomi dengan menarik pelancong dari luar yang berminat untuk meneroka sejarah, kesenian, gaya hidup dan warisan sesuatu komuniti (Silberberg, 1995). Dalam kajian yang dijalankan oleh Che Rose et al (2018) di Cherating, Pahang, hasil kajian menunjukkan bahawa 42 daripada 47 usahawan PKS berpuas hati dan bersetuju bahawa pelancongan di Cherating mempengaruhi peningkatan ekonomi pengusaha PKS.

### *Sosial*

Kepuasan dan kesejahteraan kehidupan komuniti tempatan juga dapat dilihat dari faktor sosial seperti kemahiran, khidmat masyarakat dan keadaan keselamatan (Nunkoo & Ramkissoon, 2011). Berdasarkan kajian lepas, pembangunan pelancongan memberikan impak positif dan negatif kepada sesebuah masyarakat di sesuatu tempat. Lankford (1994) berpendapat pembangunan pelancongan telah mendorong kepada perubahan positif dalam struktur masyarakat setempat seperti meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka. Selain itu, komuniti tempatan berpeluang untuk mengkormesialkan budaya dan sukan tradisional tempatan kepada masyarakat luar yang datang melancong ke tempat mereka (Brida et al., 2011). Impaknya, pengkormesialan budaya yang berterusan dapat mengekalkan dan memelihara budaya komuniti tempatan.

Tambahan pula, Salleh et al. (2012) percaya bahawa komuniti yang terlibat secara langsung dalam pembangunan produk pelancongan budaya akan lebih mempercayai ahli komuniti kerana dikenali oleh orang luar mengenai sumber asli, pengetahuan tradisional, dan nilai budaya mereka. Secara tidak langsung, masyarakat juga akan mencari jalan untuk meningkatkan kemahiran melalui kursus bahasa asing dan latihan keusahawanan. Aktiviti pelancongan juga dianggap dapat menggalakkan pemuliharaan warisan budaya masyarakat tempatan kerana ia dapat mendorong penduduk tempatan mengamalkan dan mengekalkan amalan budaya nenek moyang mereka (Farah Husna et al., 2021).

Selain itu, hasil analisis kajian yang dijalankan oleh Farah Husna et al. (2021) menunjukkan bahawa komuniti setempat terlibat sama dalam pemuliharaan kawasan sejarah dan memelihara identiti budaya masyarakat di Batu Ferringhi, Pulau Pinang. Sebagai contoh, batik merupakan elemen budaya yang diketengahkan oleh komuniti setempat sehingga mereka membina kilang batik sebagai salah satu daya tarikan pelancongan di kawasan tersebut. Sebaliknya, kajian yang dijalankan oleh Dyer et al. (2007) dan Andriotis (2005) menunjukkan pembangunan pelancongan turut membawa impak negatif kerana responden menyatakan keimbangan terhadap faktor sosial dalam masyarakat seperti peningkatan kadar jenayah di kawasan mereka. Setiap kawasan geografi yang didiami oleh sesebuah masyarakat mempunyai budaya dan adat resam tersendiri yang diturunkan dari generasi ke generasi. Kesan jangka panjang pembangunan pelancongan membawa kepada perubahan dalam norma masyarakat dari segi kepercayaan, amalan budaya dan nilai (Brunt & Courtney, 1999).

### *Alam Sekitar*

Pelancongan sentiasa berkait rapat dengan penggunaan sumber alam semula jadi terutamanya untuk aktiviti rekreasi seperti snorkelling, mendaki, dan sebagainya. Dalam kajian Yoon et al. (2001) menyatakan bahawa aktiviti tersebut membawa kepada kemasuhan alam semula jadi. Malah, kajian yang dijalankan oleh Mason & Cheyne (2000) menunjukkan bahawa ketidakpuasan komuniti setempat terhadap pembangunan pelancongan yang telah mengabaikan pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar. Sebaliknya, pendapat tersebut bercanggah dengan kajian yang dijalankan di California Utara oleh Byrd et al. (2008) bahawa pembangunan pelancongan mendorong kepada penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti meningkatkan tahap kebersihan kawasan pelancongan.

Tambahan pula, kajian oleh Farah Husna et al. (2021) berpendapat industri pelancongan boleh meningkatkan imej dan landskap kampung kerana taman rekreasi dan hiburan telah dibangunkan di kawasan tempatan seperti Taman Negara Pulau Pinang. Kajian Salleh et al. (2017) pula menunjukkan pelancongan telah meningkatkan imej dan landskap kampung tradisional Melayu dan meningkatkan pemuliharaan alam

sekitar. Tambahan pula, menurut kajian oleh Universiti Negeri Udayana pada tahun 1975 di Bali, Indonesia dan Smith (1992) di Thailand, selain impak positif yang dicapai melalui pembangunan, pembangunan pelancongan juga memberi banyak kesan negatif terhadap aspek sosial dan fizikal. Pelancongan besar-besaran akan memberi tekanan kepada orang ramai dan persekitaran fizikal destinasi pelancongan (Hitchcock, 1993).


Peningkatan bilangan pertubuhan penginapan dan pusat peranginan pelancong juga telah mengurangkan kualiti estetika beberapa pantai di Malaysia. Selain itu, sikap tidak bertanggungjawab segelintir pihak semasa dalam perjalanan telah membebaskan bahan pencemar ke dalam air sehingga mengganggu ekosistem bawah air seperti kehabisan oksigen dan keracunan (Abdul Aziz, 1992). Sebagai contoh, masalah sisa di Pulau Redang dan Pulau Perhentian Terengganu tidak dapat dikawal sepenuhnya walaupun terdapat pemasangan insinerator. Bukan itu sahaja, destinasi pelancongan mungkin menghadapi masalah hakisan, pencemaran, pemendapan dan kepupusan banyak spesies tumbuhan dan haiwan (Jamaluddin Md Jahi, 2009).

#### 4. Persepsi Masyarakat Terhadap Pelancongan Budaya

Prinsip pelancongan budaya telah dititikberatkan dalam pembangunan di kebanyakan negara. Pelbagai kaedah penilaian telah digunakan untuk mengkaji keberkesanan pelancongan budaya itu sendiri. Salah satu kaedah yang popular digunakan adalah dengan menjalankan kajian persepsi masyarakat setempat. Menurut Ko & Stewart (2002), sebelum menjalankan sebarang pembangunan pelancongan, faktor budaya, ekonomi dan sosial yang ada pada komuniti setempat perlu diambil kira terlebih dahulu dan penglibatan masyarakat setempat adalah sangat penting untuk menjamin keberkesanan pelancongan samada membawa faedah atau tidak kepada masyarakat setempat.

Kajian oleh Turker dan Ozturk (2013) bagi menentukan persepsi masyarakat tempatan yang tinggal di tiga bandar sempadan Taman Negara Pergunungan Kure (KMNP) Türkiye terhadap pembangunan pelancongan. Dapatan kajian mendapati persepsi penduduk tempatan terhadap pembangunan pelancongan agak positif kerana dipengaruhi oleh faktor lokasi. Tambahan pula, kajian oleh Szell dan Hallett (2013) di Taman Negara Retezat di Romania mengenai sikap dan persepsi tempatan terhadap kawasan perlindungan mendapati penduduk tempatan mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai kepentingan kawasan perlindungan dan menghargai kewujudan taman tersebut dan akan membayar pampasan yang tinggi bagi menyokong usaha dalam pemuliharaan taman.

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji impak Pembangunan pelancongan budaya kepada masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak. Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian ini.



Rajah 1. Kerangka kajian

## Metodologi

Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk mendapatkan data secara kuantitatif bagi mangkaji persepsi Masyarakat Melanau terhadap impak Pembangunan pelancongan budaya di Mukah, Sarawak. Bagi kaedah pengumpulan data, edaran soal selidik diperlukan. Unit analisis bagi kajian ini adalah individu yang berbangsa Melanau yang menetap di kawasan masyarakat Melanau, daerah Mukah Sarawak.

Persampelan keselesaan (*convenience sampling*) digunakan bagi memperoleh data kajian. Menurut Bailey (1987), untuk mendapatkan hasil kajian yang boleh dipercayai, sejumlah 100 sampel diperlukan. Oleh itu, mana-mana responden yang berbangsa Melanau di kawasan Mukah, Sarawak yang bersedia untuk menjawab soal selidik akan dipilih oleh pengkaji untuk membantu penyelidikan. Kajian rintis dilakukan kepada 10 responden (Mohd Najib 1999) bagi mencapai nilai *Cronbach Alpha* yang baik (Bond & Fox 2015). Terdapat tiga (3) bahagian dalam instrumen kajian iaitu borang soal selidik. Bahagian A memfokuskan kepada maklumat responden dan Bahagian B pula adalah mengenai impak Pembangunan pelancongan budaya. Bahagian C pula adalah mengenai dimensi soalan berkaitan persepsi Masyarakat Melanau terhadap Pembangunan pelancongan budaya di Mukah, Sarawak. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS).

## Hasil dan Perbincangan Kajian

### 1. Demografi Responden

Perincian latar belakang responden kajian adalah seperti di Jadual 1. Bagi kategori jenis jantina, responden lelaki adalah seramai 49 orang bersamaan dengan 48.5 peratus, manakala bilangan responden perempuan pula adalah seramai 52 orang bersamaan dengan 51.5 peratus. Bagi pecahan julat atau kumpulan umur, responden yang berumur antara 18 hingga 30 tahun mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 52 orang bersamaan dengan 51.5 peratus. Manakala, responden yang berumur 60 tahun ke atas iaitu sebanyak 3 orang bersamaan dengan 3.0 peratus merekodkan bilangan yang terendah.

Jadual 1. Latar belakang responden

Item	Kekerapan (%)
<b>Jantina</b>	
Lelaki	49 (48.5)
Wanita	52(51.5)
<b>Jenis Melanau</b>	
Mukah	7 (6.9)
Oya	5 (5.0)
Dalat	12 (11.9)
Igan	35 (24.7)
Matu Daro	20 (19.8)
Rajang	8 (7.9)
Balingian	9 (8.9)
Lain-lain	5 (5.0)
<b>Umur</b>	
18-30 tahun	52 (51.5)
31-60 tahun	46 (45.5)
60 tahun ke atas	3 (3.0)
<b>Tahap pendidikan</b>	
Tidak Bersekolah	1 (1.0)
Sekolah Rendah	1 (1.0)
Sekolah Menengah/SPM	27 (26.7)
STPM/Diploma	33 (32.7)
Ijazah Sarjana	39 (38.6)

Bagi kategori tahap Pendidikan, majoriti daripada responden mempunyai tahap pendidikan iaitu sebanyak 100 orang atau bersamaan dengan 99 peratus dan hanya seorang responden tidak mendapat Pendidikan formal. Kemudian, untuk dapatan jenis Melanau pula, responden paling ramai terdiri daripada Melanau Igan seramai 35 orang (24.7%) daripada 100 orang responden dan diikuti oleh Melanau Matu Daro seramai 20 orang (19.8%), Melanau Dalat seramai 12 orang (11.9%), Melanau Balingian seramai 9 orang (8.9%), Melanau Rajang seramai 8 orang (7.9%), Melanau Mukah 7 orang (6.9%) dan kedua-dua Melanau Oya dan lain-lain hanya mencatatkan responden seramai 5 orang (5.0%) sahaja.

## 2. Impak Pembangunan Pelancongan Budaya

### *Impak Sosial*

Jadual 2 menunjukkan pecahan impak sosial Pembangunan pelancongan budaya di Mukah, Sarawak. Bagi aspek sosial, terdapat dua pernyataan dari lima pernyataan yang mendapat skor min yang tertinggi pada tahap tinggi (4.03) iaitu pernyataan ketiga ‘meningkatkan pergaulan sosial dan kemahiran berkomunikasi komuniti setempat’ dan pernyataan kelima ‘mengekalkan dan memelihara budaya komuniti setempat’. Pernyataan ketiga menunjukkan sebanyak 26.7% sangat setuju, 56.4% setuju, 9.9% tidak pasti, 6.9% tidak setuju dan tiada responden yang menjawab sangat tidak setuju. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa pembangunan pelancongan budaya dapat menyebabkan komuniti setempat untuk bergaul dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka. Apabila aktiviti pelancong berkembang di kawasan tersebut, secara tidak langsung masyarakat akan menerima lawatan pelancong dari dalam maupun luar negara.

Oleh itu, masyarakat yang terlibat secara langsung dengan produk pelancongan akan berkomunikasi dengan pelancong yang datang untuk mempromosi budaya mereka. Hal ini bertepatan dengan kajian lepas yang menyatakan bahawa pembangunan pelancongan mampu meningkatkan keupayaan komunikasi komuniti setempat dalam bahasa asing terutamanya Bahasa Inggeris dengan adanya kehadiran pelancong dari luar negara (Salleh et al, 2017).

Jadual 2. Impak sosial pembangunan pelancongan budaya

Penyataan	1	2	3	4	5	Skor min
(a) Menyebabkan kesesakan pengunjung dan lalu lintas	10 (9.9)	45 (44.6)	20 (19.8)	21 (20.8)	5 (5.0)	2.66
(b) Peningkatan kadar jenayah di kawasan setempat.	12 (11.9)	47 (46.5)	23 (22.8)	16 (15.8)	3 (3.0)	2.51
(c) Meningkatkan pergaulan sosial dan kemahiran berkomunikasi komuniti setempat	0 (6.9)	7 (9.9)	10 (56.4)	57 (26.7)	27	4.03
(d) Menyebabkan perubahan dalam norma masyarakat dari segi kepercayaan, amalan budaya dan nilai nilai.	6 (5.9)	27 (26.7)	22 (21.8)	38 (37.6)	8 (7.9)	3.15
(e) Mengkekalkan dan memelihara budaya komuniti setempat.	0 (5.9)	6 (12.9)	13 (53.5)	54 (27.7)	28	4.03
<b>Min Keseluruhan</b>					<b>3.28</b>	

Bagi pernyataan kelima pula, seramai 27.7% sangat setuju, 53.5% setuju, 12.9% tidak pasti, 5.9% tidak setuju dan tiada responden yang menjawab sangat tidak setuju. Oleh itu, responden rata-rata bersetuju bahawa kesan sosial pembangunan pelancongan budaya di kawasan Melanau dapat mengekalkan dan memelihara budaya Melanau daripada dimamah usia. Hal ini selari dengan kajian lepas yang dijalankan oleh Samad et al. (2017) yang menyatakan nilai budaya komuniti setempat semakin meningkat kerana pembangunan pelancongan menggalakkan aktiviti yang berbentuk kebudayaan dan kesenian. Justeru, dalam konteks budaya Melanau, budaya Melanau dari segi makanan tradisional, pakaian tradisional, kraf tangan dan tarian tradisional paling ketara diketengahkan semasa diadakan Pesta Kaul Mukah. Menurut Rohayu et al. (2019),

lazimnya pelancong yang hadir ke kawasan pelancongan ingin merasai sendiri pengalaman budaya masyarakat lain. Oleh itu, budaya merupakan aset kepada sesebuah komuniti. Dalam kajian Farahin & Nicholas (2020) menjelaskan bahawa kedatangan pelancong luar negara seperti Jerman, Belanda, Itali, China dan Singapura ke Lamin Dana, Mukah mampu menggalakkan pengekalan warisan budaya masyarakat Melanau kerana penduduk setempat sentiasa mengamalkan warisan nenek moyang mereka untuk dipromosikan kepada orang luar.

Seterusnya, pernyataan keempat iaitu ‘menyebabkan perubahan dalam norma masyarakat dari segi kepercayaan, amalan budaya dan nilai-nilai mendapat skor min kedua tertinggi iaitu pada tahap sederhana sebanyak 3.15. Seramai 8 orang (7.9%) sangat setuju, 38 orang (37.6%) setuju, 22 orang (21.8%) tidak pasti, 27 orang (26.7%) tidak setuju dan 6 orang (5.9%) sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Secara keseluruhannya, skor min untuk pernyataan tersebut adalah pada tahap sederhana kerana sebahagian responden bersetuju dan sebahagian lagi tidak pasti dan tidak setuju bahawa pelancongan budaya dapat menyebabkan norma masyarakat seperti kepercayaan, amalan budaya dan nilai-nilai dapat berubah. Menurut Zaini Ozea (1998), konflik sosiobudaya dan proses asimilasi paling banyak dialami oleh Masyarakat Melanau sehingga membawa kepada perubahan tertentu. Faktor di sebalik perubahan ini termasuk perubahan dalam penempatan dan penyerapan melalui perkahwinan dan agama (Mohd Yaakub, 1982). Kajian Saiee Driss (1996) mengukuhkan lagi pandangan ini dengan menyatakan bahawa kaum Melanau merupakan satu-satunya kaum di Sarawak yang boleh menerima kepelbagai agama dalam kalangan ahli keluarga. Satu kajian yang dijalankan di Melaka oleh Baharuddin & Nikmatul (2007), proses pembangunan dan pemodenan telah menghakis nilai-nilai tradisional masyarakat di Melaka kerana budaya barat sedikit sebanyak diasimilasikan dalam kehidupan seharian mereka.

Bagi pernyataan pertama iaitu ‘menyebabkan kesesakan pengunjung dan lalu lintas’ mendapat skor min pada tahap sederhana iaitu 2.66. Seramai 9.9% sangat tidak setuju, 44.6% tidak setuju, 19.8% tidak pasti, 20.8% setuju dan 5.05 sahaja yang sangat setuju. Lebih daripada separuh bilangan responden iaitu 55 orang yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut menunjukkan bahawa pelancongan budaya yang dibangunkan bukanlah salah satu faktor utama yang bakal menimbulkan masalah kesesakan pengunjung dan lalu lintas yang serius di kawasan mereka. Justeru, pembangunan moden yang tidak terkawal dan berterusan boleh menyebabkan nilai sosial penduduk tempatan terancam. Sebagai contoh, kesesakan lalu lintas akan berlaku lantaran ketidaksesuaian guna tanah, ruang tempat kereta yang terhad dan tiada kawalan kemasukan kenderaan (Pirasanah & Rahimah, 2021). Menurut Tyrrell & Spaulding (1984), kehadiran jumlah pelancong yang ramai akan menyumbang kepada kadar kepadatan dan kesesakan yang tinggi namun ia berlangsung dalam tempo dan jangka masa yang tertentu. Majoriti responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut mungkin kerana melihat melalui Pesta Kaul, bandar Mukah akan mengalami kesesakan pengunjung dan lalu lintas pada hari tersebut namun lalu lintas pulih seperti biasa setelah pesta tersebut tamat.

Akhir sekali, pernyataan kedua ‘peningkatan kadar jenayah di kawasan setempat’ mendapat skor min yang terendah iaitu 2.51 sahaja. 11.9% responden sangat tidak setuju, 46.5% tidak setuju, 22.8% tidak pasti, 15.8% setuju dan hanya 3% sahaja sangat setuju. Perkara ini menunjukkan rata-rata responden iaitu 58.4% responden tidak bersetuju bahawa kesannya dapat meningkatkan kadar jenayah. Menurut (Sahazali & Choy, 2013), peningkatan kadar jenayah kebanyakannya faktor daripada kehadiran pelancong luar. Berbeza dengan penemuan Tang (2011) yang mendapati bahawa ketibaan pelancong asing menyebabkan kadar jenayah menurun kerana ia menyebabkan perkembangan sektor pelancongan. Sektor pelancongan yang semakin berkembang akan menjana banyak peluang pekerjaan dan sudah semestinya ia akan mengurangkan kadar pengangguran dan kadar jenayah. Min keseluruhan bagi impak sosial adalah 3.28.

### *Impak Ekonomi*

Jadual 3 menunjukkan impak Pembangunan pelancongan budaya terhadap aspek ekonomi Masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak. Dalam aspek ini, lima pernyataan telah dikemukakan untuk dijawab oleh responden. Setiap pernyataan memperolehi skor min yang memuaskan.

Jadual 3. Impak ekonomi pembangunan pelancongan budaya

Penyataan	1	2	3	4	5	Skor min
(a) Menawarkan peluang pekerjaan kepada komuniti Melanau	0 (2.0)	2 (2.0)	11 (10.9)	52 (51.5)	36 (35.6)	4.21
(b) Membasmi kemiskinan masyarakat tempatan	2 (2.0)	5 (5.0)	15 (14.9)	50 (49.5)	29 (28.7)	3.98
(c) Meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan masyarakat.	0 (2.0)	2 (2.0)	12 (11.9)	53 (52.5)	34 (33.7)	4.18
(d) Meningkatkan peluang perniagaan kepada Masyarakat tempatan.	0 (2.0)	2 (2.0)	9 (8.9)	50 (49.5)	40 (39.6)	4.27
(e) Meningkatkan peluang kemahiran dan pengetahuan komuniti setempat.	0 (2.0)	2 (2.0)	10 (9.9)	50 (49.5)	39 (38.6)	4.25
<b>Min Keseluruhan</b>					<b>4.18</b>	

Pernyataan pertama ‘menawarkan peluang pekerjaan kepada komuniti Melanau’ mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu 4.21, telah mencatatkan seramai 36 orang (35.6%) sangat setuju, 52 orang (51.5%) setuju, 11 orang (10.9%) tidak pasti, 2 orang (2.0%) tidak setuju dan tiada orang yang pilih sangat tidak setuju. Oleh itu, majoriti responden bersetuju bahawa impak ekonomi pembangunan pelancongan budaya adalah mampu menawarkan peluang pekerjaan terhadap aspek ekonomi. Menurut Shudie & Ghani (202) bagi kajian di Mukah, Sarawak, industri pelancongan telah menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan seperti pemandu bot untuk membawa pelancong bersiar-siar di sekitar kampung, pembuat kuih dan kraftangan tradisional, penari tradisional dan pembuat Linut. Satu kajian yang dijalankan oleh Farahin & Nicholas (2020) turut bersetuju bahawa pelancongan budaya mampu menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, contohnya pembinaan Lamin Dana di kampung Tellian Mukah. Pembangunan tersebut telah menawarkan pekerjaan seperti pembuat kain batik Linut, pembuat anyaman kraftangan, pembuat kuih tradisional Melanau, penari tarian tradisional Melanau, pemandu bot dan ahli pengurusan protokol majlis. Menurutnya juga, pembuatan kraftangan dan kuih tradisional dilakukan oleh golongan suri rumah.

Seterusnya, pernyataan kedua ‘membasmi kemiskinan masyarakat tempatan’ mendapat jumlah skor min juga pada tahap tinggi iaitu 3.98. Seramai 2.0% sangat tidak setuju, 5.0% tidak setuju, 14.9% tidak pasti, 49.5% setuju dan 28.7% sangat setuju. Justeru, responden bersetuju bahawa kesan ekonomi yang lain adalah dapat membasmi kemiskinan masyarakat tempatan. Melalui penawaran peluang pekerjaan yang pelbagai seperti pemandu bot ke kawasan pelancongan, pembuat hasil kraf dan ahli pengurusan pelancongan, kehidupan komuniti akan menjadi lebih baik kerana mendapat pendapatan (Mastura et al. 2015). Melalui Kajian oleh Lidiya (2021) di Pulau Pangkor, Perak melalui temubual bersama penduduk Kampung Teluk Gedung, mereka berpendapat bahawa pembangunan pelancongan warisan yang telah berlaku telah membantu penduduk kampung dalam pembukaan gerai dan kedai di kawasan sekitar. Perubahan ekonomi yang berlaku memberi banyak manfaat dan membantu komuniti setempat terutamanya di kawasan kampung bagi memperoleh sumber rezeki yang lebih lumayan sekaligus dapat membantu dalam pembasmian kemiskinan penduduk setempat.

Pernyataan ketiga ‘meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan masyarakat’, peratusan responden adalah 0% untuk sangat tidak setuju, 2% untuk tidak setuju, 8.9% tidak pasti, 52.5% setuju dan 33.7% sangat setuju. Jumlah skor min untuk pernyataan tersebut adalah pada tahap tinggi 4.18. Responden percaya bahawa apabila pelancongan dibangunkan, banyak peluang pekerjaan akan ditawarkan, secara tidak langsung taraf hidup dan kesejahteraan hidup turut akan meningkat.

Pernyataan keempat ‘meningkatkan peluang perniagaan kepada masyarakat tempatan’ mendapat skor min yang tinggi iaitu 4.27. Seramai 90 orang bersetuju iaitu 40 orang sangat setuju dan 50 orang setuju manakala 9 orang tidak pasti dan hanya 5 orang tidak setuju. Dalam hal tersebut, majoriti responden percaya peluang perniagaan terutamanya IKS yang berpotensi untuk dimajukan. Menurut Aref (2009) dan Jipun (2019), barang kraftangan yang menarik dan unik adalah merupakan salah satu faktor yang memberikan peluang kepada pelaburan yang tinggi dalam kalangan masyarakat tempatan sekaligus memperkembangkan

perniagaan mereka. Justeru, kegiatan perniagaan yang berlaku ini secara tidak langsung akan membuka mata masyarakat tempatan lain untuk menjalankan perniagaan yang sama. Dengan itu, ia akan menjana pendapatan yang agak lumayan dan sekaligus meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat (Kreag, 2001, Sanggin 2009).

Akhir sekali, pernyataan kelima ‘meningkatkan peluang kemahiran dan pengetahuan komuniti setempat’ turut mendapat tahap skor min yang tinggi iaitu 4.25 iaitu sebanyak 2% tidak setuju, 9.9% tidak pasti, 49.5% setuju dan 38.65 sangat setuju. Justeru, majoriti responden mengatakan bahawa kemahiran dan pengetahuan komuniti setempat dapat ditingkatkan sekiranya pelancongan budaya dibangunkan. Menurut Lidiya (2021), antara kemahiran baru yang diperolehi komuniti setempat melalui pembangunan pelancongan budaya adalah seperti kemahiran menggunakan teknologi dan kemahiran berkomunikasi. Min keseluruhan bagi impak ekonomi adalah 4.18.

#### *Impak Alam Sekitar*

Jadual 4 menunjukkan impak Pembangunan pelancongan budaya terhadap aspek alam sekitar masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak. Dalam aspek ini, lima pernyataan telah dikemukakan untuk dijawab oleh responden. Terdapat satu pernyataan skor minnya pada tahap memuaskan manakala pernyataan empat yang lain pada tahap yang rendah.

Jadual 4. Impak Alam sekitar pembangunan pelancongan budaya

Penyataan	1	2	3	4	5	Skor min
(a) Hasil tangkapan laut terjejas.	13 (12.9)	48 (47.5)	12 (11.9)	22 (21.8)	6 (5.9)	2.60
(b) Menyebabkan pencemaran air.	13 (12.9)	44 (43.6)	15 (14.6)	25 (24.3)	4 (3.9)	2.63
(c) Menyebabkan pencemaran bunyi di kawasan setempat.	9 (8.9)	44 (43.6)	12 (11.9)	29 (28.7)	7 (6.9)	2.81
(d) Membawa kepada kemasuhan alam semula jadi.	10 (9.9)	46 (45.5)	12 (11.9)	24 (23.8)	9 (8.9)	2.76
(e) Meningkatkan imej dan pemandangan kawasan komuniti setempat.	1 (1.0)	3 (3.0)	14 (13.9)	56 (55.4)	27 (26.7)	4.04
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>2.97</b>

Pernyataan kelima iaitu ‘meningkatkan imej dan pemandangan kawasan komuniti setempat’ mendapat skor min tertinggi iaitu 4.04, sebanyak 1% sangat tidak setuju, 3% tidak setuju, 13.9% tidak pasti, 55.4% setuju dan 26.7% sangat setuju. Majoriti responden iaitu seramai 83 orang adalah bersetuju bahawa pelancongan budaya akan memberi kesan kepada peningkatan imej dan pemandangan di kawasan mereka. Hal ini bertepatan dengan sebuah kajian yang dijalankan oleh Norazni Syaripudin (2017) di Semporna Sabah yang menunjukkan bahawa komuniti setempat bersetuju bahawa impak daripada pembangunan ekopelancongan di Semporna, hidupan laut dan marin dijaga dan dilindungi dengan sempurna menyebabkan imej pemandangan menjadi semakin cantik. Kenyataan ini disokong oleh kajian Johan et al. (2012) di Pantai Cenang, Langkawi yang menyatakan pembangunan produk baru di Langkawi iaitu Underwater World Langkawi dan Laman Padi meningkatkan pemandangan kawasan setempat.

Pernyataan ketiga ‘menyebabkan pencemaran bunyi di kawasan setempat’ mendapat skor min pada tahap sederhana iaitu 2.81. Seramai 8.9% sangat tidak setuju, 43.6% tidak setuju, 11.9% tidak pasti, 23.8% setuju dan 8.9% sangat setuju. Separuh daripada responden iaitu 52.5% yang tidak setuju pembangunan pelancongan dapat menyebabkan pencemaran bunyi. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nurain & Er (2013), pencemaran bunyi berlaku disebabkan oleh kewujudan kenderaan berat yang sering menggunakan di jalan raya utama.

Di samping itu, pernyataan keempat iaitu ‘membawa kepada kemasuhan alam semula jadi’ mendapat skor min pada tahap sederhana iaitu 2.76. Peratusan yang sangat tidak setuju adalah 9.9%, tidak setuju 45.5%, tidak pasti 11.9%, setuju 23.8% dan sangat setuju sebanyak 8.9%. Justeru, data tersebut menunjukkan bahawa

lebih ramai responden beranggapan tidak setuju bahawa semata-mata oleh pelancongan budaya yang dibangunkan, alam semula jadi akan musnah. Gartner (1987) juga menjelaskan bahawa tahap pencemaran dari pembangunan pelancongan tidaklah begitu membimbangkan, malah situasi ini mencetus kepada kewujudan kegiatan pelancongan yang dapat menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar yang lebih baik (Perdue et al. 1987). Hal ini demikian kerana pihak kerajaan membelanjakan kewangan ke arah memartabatkan alam sekitar dengan melancarkan pelbagai kempen pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Seterusnya, pernyataan kedua ‘menyebabkan pencemaran air’ mencatatkan skor min sebanyak 2.63. Seramai 12.9 sangat tidak setuju, 43.6% tidak setuju, 14.6% tidak pasti, 24.3% setuju dan 3.9 % sangat setuju terhadap pernyataan tersebut. Data tersebut menunjukkan bahawa separuh daripada responden tidak bersetuju pelancongan budaya dapat menyebabkan pencemaran air. Menurut Andreck (1995), pencemaran air akan berlaku di kawasan pelancongan rekreasi dan tasik. Pandangan tersebut disokong oleh sebuah kajian yang dijalankan oleh Zulayti et al. (2022), penduduk tempatan Sabah berpendapat bahawa aktiviti pelancongan menyebabkan berlakunya pencemaran bunyi, air laut, udara dan tanah. Pencemaran air berlaku akibat penggunaan bot-bot.

Akhir sekali, skor min terendah adalah pada pernyataan ‘hasil tangkapan laut terjejas’ masih pada tahap sederhana iaitu 2.60 sahaja. Bilangan yang tidak setuju adalah seramai 61 orang iaitu 13 orang (12.9%) sangat tidak setuju dan 48 orang (47.5%) tidak setuju, bilangan yang tidak pasti adalah seramai 12 orang (11.9%) dan bilangan yang setuju pula hanya 28 orang iaitu 22 orang (21.8%) setuju dan 6 orang (5.9%) sangat setuju. Dapat disimpulkan bahawa majoriti responden menyatakan bahawa tangkapan laut tidak akan terjejas oleh kerana pelancongan budaya dibangunkan di kawasan sekitar. Min keseluruhan bagaimana impak alam sekitar adalah 2.97.

### 3. Persepsi Masyarakat Melanau Terhadap Pembangunan Pelancongan Budaya

Jadual 5 menunjukkan persepsi masyarakat Melanau terhadap pembangunan pelancongan budaya di kawasan mereka. Terdapat empat pernyataan untuk bahagian ini.

Jadual 5. Persepsi masyarakat melanau terhadap pembangunan pelancongan budaya

Penyataan	1	2	3	4	5	Skor min
(a) Kawasan-kawasan masyarakat Melanau berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan.	0	2 (2.0)	6 (5.9)	42 (41.6)	51 (50.5)	4.41
(b) Pembangunan pelancongan budaya adalah pelancongan yang paling sesuai dibangunkan di kawasan masyarakat Melanau.	0	3 (3.0)	5 (5.0)	43 (42.6)	50 (49.5)	4.39
(c) Pembangunan pelancongan budaya lebih banyak mendatangkan impak positif berbanding impak negatif.	0	3 (3.0)	10 (9.9)	43 (42.6)	45 (44.6)	4.29
(d) Masyarakat Melanau akan bekerjasama membangunkan kawasan mereka sebagai kawasan pelancongan.	0	2 (2.0)	7 (6.9)	42 (41.6)	50 (49.5)	4.39
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.37</b>

Pernyataan pertama ‘kawasan-kawasan masyarakat Melanau berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan’ merekodkan skor min yang tinggi iaitu 4.41. Seramai 51 orang sangat setuju, 42 orang setuju, 6 orang tidak pasti dan hanya 2 orang tidak setuju. Oleh itu, responden bersetuju bahawa kawasan-kawasan Melanau mempunyai berpotensi untuk dibangunkan. Pernyataan kedua pula iaitu ‘pembangunan pelancongan budaya adalah pelancongan yang paling sesuai dibangunkan di kawasan masyarakat Melanau’ juga merekodkan tahap skor min yang tinggi iaitu 4.39. Sebanyak 92.1% responden yang bersetuju iaitu 49.55 sangat setuju dan 42.6% setuju bahawa budaya-budaya Melanau harus dipromosikan kepada orang luar.

Seterusnya, pernyataan ketiga ‘pembangunan pelancongan budaya lebih banyak mendatangkan impak positif berbanding impak negatif’ turut mencatatkan tahap skor min yang tinggi iaitu 4.29. Sebanyak 44.6%

sangat setuju, 42.6% setuju, 9.9% tidak pasti dan 3% tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Dapat disimpulkan bahawa majoriti menyatakan apabila pelancongan budaya di kawasan mereka, komuniti setempat akan menerima lebih banyak impak positif berbanding impak negatif. Rahimah (2019) menyatakan dalam kajiannya bahawa kesan negatif yang bakal diterima penduduk setempat lantaran pembangunan yang dijalankan boleh dicegah dengan adanya pelan intervensi yang sistematik selari dengan pembangunan pelancongan di kawasan tersebut.

Akhir sekali, pernyataan keempat yang berbunyi ‘masyarakat Melanau akan bekerjasama membangunkan kawasan mereka sebagai kawasan pelancongan’ mendapat sebanyak 2% tidak setuju, 6.9% tidak pasti, 41.6% setuju dan 49.5% sangat setuju. Tahap skor min untuk pernyataan tersebut adalah tinggi iaitu 4.39. Data tersebut menunjukkan majoriti responden bersedia untuk bersama-sama membantu untuk membangunkan kawasan mereka sebagai tempat pelancongan budaya. Sebuah kajian yang telah dijalankan oleh Adnan dan Mamat (2018) bertajuk “Impak dan Persepsi Ekopelancongan Terhadap Komuniti Setempat di Lumut, Perak.” telah menunjukkan bahawa komuniti setempat berpendapat bahawa mereka akan terlibat dalam aktiviti pelancongan dan memberi sumbangan kerana mendapat ia memberi manfaat kepada mereka terutama sekali dalam mendapat sumber pendapatan tambahan.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian mendapat bahawa kajian ini telah menepati sasaran objektif kajian. Hasil kajian ini mendapat bahawa responden bersetuju impak ekonomi memberi pengaruh yang tinggi berbanding impak sosial dan alam sekitar, Selain itu, responden berpendapat bahawa pembangunan pelancongan budaya mendatangkan lebih banyak impak positif berbanding impak negatif yang mencakupi aspek sosial, alam sekitar dan ekonomi. Selain itu, majoriti responden bersetuju agar pelancongan budaya dibangunkan di kawasan Melanau iaitu di sekitar bahagian Mukah, Sarawak.

Dari dapatan kajian juga, satu pendekatan yang menyeluruh perlu dilakukan dengan mengambil kira penerimaan masyarakat Melanau yang agak memberangsangkan terhadap pembangunan pelancongan budaya yang telah berlaku di kawasan mereka. Antara Langkah yang boleh dilaksanakan dalam membangunkan lagi Pembangunan pelancongan budaya adalah dengan meningkatkan promosi pemasaran mengenai budaya Melanau. Masyarakat setempat dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan harus menjalankan promosi berkenaan tarikan budaya, perayaan dan warisan budaya yang berkesan dan menarik melalui pelbagai platform media sosial, laman web dan brosur. Dengan itu, pelancong luar akan tahu dan rasa tertarik untuk mengunjungi kawasan-kawasan Melanau.

Seterusnya, infrastruktur di kawasan setempat haruslah dinaiktaraf dan memenuhi kehendak pelancongan budaya seperti muzium, pusat seni, teater dan kemudahan pameran. Kemudahan pengangkutan awam dan penginapan seperti hotel dan homestay perlu diwujudkan agar memudahkan para pelancong yang datang untuk menginap. malah, kebersihan dan keselamatan terutamanya di tapak budaya harus dijaga agar memberikan pengalaman yang terbaik kepada para pelancong. Selain itu, penglibatan komuniti tempatan dalam pelancongan budaya ini adalah sangat signifikan. Penglibatan masyarakat Melanau amat penting sebagai pemandu pelancong yang akan membawa pelancong ke tempat-tempat yang menarik. Mereka juga berperanan sebagai pembuat kraftangan tradisional seperti terendak, makanan tradisional seperti linut, sagu dan umai, pembuat pakaian tradisional dan penari tarian tradisional Melanau.

Akhir sekali, masyarakat tempatan haruslah menjalinkan kerjasama dengan pihak kerajaan dan swasta untuk meningkatkan pelancongan budaya di kawasan mereka. Dalam hal ini, kerajaan berperanan untuk menyediakan sokongan dari segi kewangan dan infrastruktur manakala pihak swasta pula dapat melaburkan dan memasarkan produk Melanau sehingga ke luar negara. Dengan itu, pelancongan budaya Melanau akan lebih baik. Oleh itu, kerjasama dari pelbagai pihak amatlah perlu bagi mencapai matlamat dalam membangunkan pelancongan budaya yang lestari di kawasan setempat.

**Penghargaan:** Ditujukan kepada semua penulis dan pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan artikel ini.

**Kenyataan Persetujuan Termaklum:** Persetujuan diberikan oleh semua pihak bagi menjayakan penyelidikan ini.

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan dalam kajian ini,

### Rujukan

- Abdul Aziz Ibrahim. (1992). Coastal zone development – the need for a balance between the need and environmental conservation. *International Conference on Environmental Protection and Control Technology*, Kuala Lumpur, 28-31 October.
- Adnan, N. & Mohd Parid Mamat, M. P. (2018). Impak dan Persepsi Ekopelancongan Terhadap Komuniti Setempat di Lumut Perak. *Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3* 2018, 7.
- Andriotis, K. (2005). Community Groups' Perceptions of And Preferences For Tourism Development: Evidence from Crete. *Journal of Hospitality & Tourism Research*, 29(1), 67-90.
- Aref F. & Gill S. S. (2009). *Rural Tourism Development through Rural Cooperatives*. *Nature and Science*, 7(10), 68-73.
- Baharuddin Mohamed & Nikmatul Adha Nordin. (2007). *Perancangan Pelancongan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bailey K. D. (1987). Methods of Social Research 3rd Edition. The Free press New York. *Journal of Technology and Investment* 7(3).
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Routledge.
- Brida, J. G., Riafio, E., & Aguirre, Z. (2011). Residents' Attitude and Perceptions Towards Cruise Tourism Development: A Case Study of Cartagena de Indias (Columbia). *Tourism and Hospitality Research*, 11(3), 181-196
- Brunt, P., & Courtney. (1999). Host Perceptions of Sociocultural Impacts. *Annals of Tourism Research*, 26(3), 493-515.
- Byrd, E. T., Cardenas, D. A., & Greenwood, J.B. (2008). Factors of Stakeholder Understanding of Tourism: The Case of Eastern North Carolina. *Tourism and Hospitality Research*, 8(3), 192-204.
- Che Rose, R. A., Nur Ayuni, M.H. & Rosmiza, M.Z. (2018). Impak Sektor Pelancongan Terhadap Perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Cherating, Pahang. *Geografi*, 6(3) Special Issue, (2018), 35-43.
- Dyer, P., Gursoy, D., Sharma, B., & Carter, J. (2007). Structural Modelling of Resident Perceptions Of Tourism And Associated Development on the Sunshine Coast, Australia. *Tourism Management*, 28(2), 409-422.
- Farah Husna, A., Mujaheed H.& Azlina M.K. (2021). Persepsi Impak Industri Pelancongan Terhadap Kualiti Hidup Komuniti Setempat di Batu Ferringhi, Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(8), 133-149.
- Farahin & Nicholas Gani. (2020). Impak Industri Pelancongan Terhadap Penduduk Kampung Tellian Tengah, Mukah, Sarawak: Satu kajian Awal. *Trends in Undergraduate Research*, 3(2), 6-21
- Gartner W. (1989). Tourism Image: Attribute Measurement of State Tourism Product Using Multidimensional Technique. *Journal of Travel Research*, 28(2), 16-20
- Habibah Ahmad, Hamzah J., & Chamhuri, S. (2011). Pelancongan Budaya di Koridor Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER): Isu dan Cabaran. *Malaysian Journal of Society and Space*, 7, 180-189.
- Harrill, R. (2004). Residents' Attitudes Toward Tourism Development: A Literature Review With Implications For Tourism Planning. *Journal of Planning Literature*, 18(3), 251-266.
- Hitchcock, M., King, V.T. & Parnwell, M.J.G. (Eds.). (1993). *Tourism in South East Asia*. Routledge.
- Johan Afendi, Norhanim & Mohamad Zaki. (2012). Impak Pembangunan Pelancongan Terhadap Destinasi Pantai Kajian Kes: Pantai Cenang, Langkawi. *Prosiding PERKEMVII*, JILID 1 601-610.
- Jeniri Amir. (2015). *Masyarakat Melanau di Sarawak*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

- Jamaluddin Md. Jahi. (2009). Pembangunan Pelancongan dan Impaknya Terhadap Persekutaran Fizikal Pinggir Pantai. *Malaysian Journal Of Environmental Management*, 10(2), 71-88.
- James, J. & Hussin, R. (2022). Impak Aktiviti Pelancongan Ke Atas Komuniti Setempat Di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah, Malaysia. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 8, (1), 2022.
- Jipun J. (2019). Analisis Corak Pembelian Cenderamata di Kalangan Pelancong Antarabangsa di Sabah. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 4(15), 19-31.
- Kadir Haji Din. (1997). Tourism and cultural development in Malaysia: Issues for A New Agenda. Dlm. S. Yamashita, K.H. Din & J.S. Eades (Eds.). *Tourism and Cultural Development in Asia and Oceania*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ko, D.W., & Stewart. W. P. (2002). A Structural Equation Model of Residents' Attitudes for Tourism Development. *Tourism Management*, 23(5), 521-530.
- Kreag, G. (2001). *The Impacts of Tourism*. Minnesota Sea Grant. University of Minnesota.
- Lankford, S. V. (1994). Attitudes and Perceptions towards Tourism and Rural Regional Development. *Journal of Travel Research*, 32(4), 35-43
- Lidiya. (2021). Impak Pembangunan Pelancongan Warisan Terhadap Komuniti Setempat di Kampung Teluk Gedung, Pulau Pangkor, Perak. Universiti Malaysia Kelantan.
- Lo, M., T. Ramayah, T. & Hui, H.L.H. (2014). Rural Communities Perceptions and Attitudes towards Environment Tourism Development. *Journal of Sustainable Development*, 7(4).
- Mason, P., & Cheyne, J. (2000). Residents' Attitudes to Proposed Tourism Development. *Annals of Tourism Research*, 32(4), 35-43.
- Mastura Jaafar, Norjanah Mohd Bakri & Mostafa Rasoolimanesh, S. (2015). Local Community and Tourism Development: A Study of Rural Mountainous Destinations. *Modern Applied Science*, 9(8), 407-416.
- Mat Jusoh, A.T., Mapjabil, J., Ramli, R.S., & Yusoh, M. P. (2011). Persepsi Komuniti Tempatan Terhadap Pelancongan Budaya di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Prosiding Perkem VI*, Jilid 2 (2011) 459 – 466.
- Mayan, S. N. A., & Nor, R. M. (2017). Prospects and Challenges of Ecotourism Sector and Poverty Eradication in Sabah: The case of Orangutans and Mabul Island. *Global Journal of Social Sciences Studies*, 3(1), 1-12.
- Mohamad, N. H., & Amran Hamzah, H. (2013). Resident Attitude on Tourism Development in Mabul Island: Palao and Suluk Community. In *12th Asia Pacific Forum for Graduate Students' Research in Tourism and 5th Graduate Research Colloquium* (Vol. 53, pp. 1689–1699). <http://doi:10.1017/CBO9781107415324.004>.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morris, H.S. (1971). *Report on a Melanau Sago producing community in Sarawak*. Johnson Reprint Corporation.
- Nasrudin Mohamed. (1996). *Wawasan Melanau. Wajah Dan Identiti Melanau*. Lembaga Amanah Kebajikan Kaum Melanau dan Persatuan Melanau Sarawak.
- Nunkoo, R., & Ramkissoon, H. (2011). Residents' Satisfaction with Community Attributes And Support For Tourism. *Journal of Hospitality & Tourism Research*, 35(2), 171-190
- Nurain Sahazali & Er Ah Choy. (2013). Ekopelancongan di Taman Paya Bakau, Seri Manjung, Perak: Persepsi Penduduk Terhadap Impak Pembangunan. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 8(3), 69-79.
- Nurul Azhani Mohd Azmin. (2008). *Kajian Persepsi Komuniti Tempatan Terhadap Pelancongan Sukan: Monsoon Cup, Pulau Pinang*. Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia. 1-24.
- Nur Farahin & Nicholas Gani. (2020). Impak Industri Pelancongan Terhadap Penduduk Kampung Tellian Tengah, Mukah, Sarawak: Satu kajian Awal. *Trends in Undergraduate Research*, 3(2), 6-21.
- Omar Din, M. A. (2008) Pelancongan-budaya : konsep dan profil di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 3, 179-218.
- Pan, Hai Lung (1994). *Identiti dan hubungan etnik di kalangan komuniti Melanau: Satu kajian di Kampung Petanak, Mukah, Sarawak*. [Thesis. Universiti Malaya].

- Perdue R. R., Long P. T., Allen L. (1987). Rural Resident Tourism Perceptions and Attitudes. *Annals of Tourism Research*, 14, 420-429.
- Rohayu Ab. Majid, Rosli Said, Noraliza & Norbaya. (2019). Impak Pelancongan Desa ke Atas Pembangunan Komuniti Setempat. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 4(16), 39-55.
- Richards, G. (1993). *Cultural Tourism in Europe*. In Cooper, C. P. & Lockwood, A. (Eds). *Tourism, Recreation and Hospitality Management*, 5, 99-115
- Saiee Driss. (1996). *Wawasan Melanau, Wajah dan Identiti Melanau*. Lembaga Amanah Kebajikan Kaum Melanau dan Persatuan Melanau Sarawak.
- Salleh , N.H.M., Shukor, M. S., & Idris, S. H. M. (2017). Impak Pembangunan Pelancongan ke Atas Persekutaran Manusia dan Fizikal Komuniti Pulau Tioman. *Akademika*, 87(3).
- Samad, S., Shafiqin, M & Hanim, N. (2021). Impak Pembangunan Industri Pelancongan Kepada Komuniti di Pulau Langkawi. *Prosiding PERKEM*, 5(1), 207-216.
- Sanggin S. E. (2009). Community Involvement in Culture and Nature Tourism in Sarawak. *Akademika* 77, 149-165.
- Shudie, N. F. B., & Gani, N. (2020). Impak Industri Pelancongan Terhadap Penduduk Kampung Tellian Tengah, Mukah, Sarawak. Satu Kajian Awal. *Trends in Undergraduate Research*, 3(2), 16-21.
- Shariff, N. M., & Abidin, A. Z. (2013). Community Attitude Towards Tourism Impacts : Developing a. *ICSSR E-Journal of Social Science Research*, 386-397.
- Silberberg, T. (1995). Cultural Tourism and Business Opportunities for Museums and Heritage Sites. *Tourism Management*, 16(5), 361-368.
- Smith, V. L. (1989). *Hosts and Guests: The Anthropology of Tourism*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Szell AB, Hallett LF. (2013). Attitudes and perceptions of local residents and tourists toward the protected area of Retezat National Park, Romania. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(4), 18-34.
- Türker N, Öztürk S. (2013). Perceptions of Residents Towards the Impacts of Tourism in the Küre Mountains National Park, Turkey. *International Journal of Business and Social Science*, 4(2), 45- 56.
- WTO. (2005). *World Tourism Organization*. www.worldtourism.org.
- Yasir Abd Rahman. (1987). *Melanau Mukah: Satu Kajian Budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yoon, Y., Gursoy, D., & Chen, J.S. (2001). Validating a Tourism Development Theory with Structural Equation Modelling. *Tourism Management*, 22(4), 343-372
- Zaini, O. (1998). Bahasa Melanau Dalam Konteks Perubahan Budaya. *The Sarawak Museum Journal*. XLVII(5), Part II. The Museum.
- Zeppel, H., Hall, C. (1992). *Arts and heritage tourism*. In B. Weiler, C, Hall. (Eds), *Special Interest Tourism*, (pp.47–68). Belhaven.
- Zulayti , Ang K. H., Pirdaus Y., Dg Junaidah., Lindah R., & Adi J. (2022). Persepsi Komuniti Sabah Terhadap Impak Pembangunan Pelancongan Berasaskan Perspektif Alam Sekitar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 1-9.